

20 NOV 1998

Gore-Reaksi/I

UCAPAN GORE BERSIFAT KEBUDAK-BUDAKKAN, KATA NOORDIN

KUALA LUMPUR, 20 Nov (Bernama) -- Rakyat Malaysia terus mengecam Naib Presiden Amerika Al Gore dan kali ini Pengerusi Institut Kajian Strategi dan Antarabangsa (ISIS) Tan Sri Dr Noordin Sopiee menyifatkan ucapannya sebagai "karut dan bersifat kebudak-budakkan".

"Seorang pelajar sains politik yang pencapaiannya sederhana pun mampu menandingi tahap pemikirannya," kata beliau dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Ketika berucap pada jamuan malam Majlis Perundingan Perniagaan Apec (ABAC) di sini Selasa lalu, Gore juga menyifatkan aktiviti yang menyokong pergerakan Reformasi bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai "golongan yang berani." Selepas berucap, Gore secara tidak sopan meninggalkan majlis.

Noordin berkata beliau percaya ucapan itu tidak membawa kebaikan kepada rakyat Malaysia tetapi ia terlalu sinis dan biadap dan mempunyai agenda peribadi Al Gore".

"Ucapan Gore itu tidak lebih berupa penghinaan kepada Malaysia dalam konteks perkataan dan tindakan jika Gore berbuat demikian untuk membantu kempennya bagi pilihan raya Presiden Amerika yang beliau telahpun lancarkan," kata beliau.

Noordin menarik perhatian kepada beberapa acara menjelang majlis jamuan malam Apec itu yang menunjukkan kesombongan dan kebiadapan Amerika.

Antaranya:

+ delegasi Amerika secara khusus bersetuju dan memberi jaminan bahawa selepas berucap, Gore akan menikmati hidangan pertama sebelum beredar tetapi sebaliknya beliau menunjukkan tidak sopan dengan segera meninggalkan majlis selepas berucap,

+ Gore enggan memasuki dewan jamuan sebelum Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad seperti sepatutnya mengikut susunan kenamaan,

Seorang bekas pegawai kanan polis Datuk Seri Yuen Yuet Leng berkata, Gore tidak seharusnya bercakap mengenai hak asasi manusia sedandhkan Amerika juga termasuk dalam senarai pencabul hak asasi manusia di dunia.

Beliau memuji Dr Mahathir kerana bukan sahaja menyatakan kebenaran pada masa dan forum yang sesuai tetapi yang "lebih penting" tidak cenderung kepada keganasan untuk menggulingkan kerajaan lain".

Persatuan Wartawan Melayu Malaysia (PWM) pada mesyuarat exconya malam tadi sebulat suara membantah sekeras-kerasnya ucapan Gore.

Presidennya Yazid Othman dalam satu kenyataan hari ini menyifatkan Gore dan Setiausaha Negara AS Madeleine Albright sebagai menghidap sakit jiwa yang kronik akibat tekanan politik membabitkan skandal seks presidennya Bill Clinton sehingga tidak dapat membezakan isi ucapannya sesuai atau tidak dengan tempat dan suasana ketika berucap.

PWM juga berpendapat dasar Amerika Syarikat (AS) yang kononnya menentang keganasan di dunia dan sebagai penganjur demokrasi di peringkat global adalah palsu dan bohong.

"Buktinya AS tidak pernah mengutuk keganasan zionis Israel terhadap Palestin ... di Malaysia pula, AS menyokong gerakan reformasi yang melakukan keganasan serta cuba menjatuhkan Dr Mahathir secara kekerasan padahal ia dipilih secara demokrasi," katanya.

Kerajaan juga diminta supaya mengurangkan bilangan kakitangan Kedutaan AS di Kuala Lumpur kerana dipercayai sebilangan mereka menghasut golongan penentang kerajaan di negara ini sebagaimana yang dilakukan di Indonesia

serta meminta wartawan asing menghentikan laporan palsu dan berat sebelah dalam isu-isu berkaitan Anwar Ibrahim.

PWM juga menyatakan sokongan penuh kepada kepimpinan Dr Mahathir untuk terus memimpin negara kerana beliau dipilih secara demokrasi melalui pilihan raya yang sah.

Di KUANTAN, Menteri Besar Tan Sri Khalil Yaakob mencadangkan supaya Duta Amerika ke Malaysia John Mallot dipanggil bagi meninjau kemungkinan beliau memberikan penilaian berat sebelah tentang keadaan negara ini kepada pemimpin negaranya.

"Gore and Albright datang ke negara ini semata-mata untuk mengeluarkan kenyataan yang provokasi. Tiada pemimpin dalam mana-mana negara yang sepatutnya menyatakan pendirian memihak serta menyokong demonstrasi atau keganasan," katanya.

Khalid bangga dengan pendirian Dr Mahathir yang sungguhpun "dalam suasana diprovokasi" oleh kenyataan-kenyataan demikian tetapi masih memperlihatkan hemah yang tinggi selaku tuan rumah persidangan Apec.

"Ini menggambarkan sikap terpuji dan mempamerkan budi bahasa masyarakat timur yang tinggi nilainya, sungguhpun berdepan dengan tetamu seperti Al Gore sama ada semasa dalam persidangan ataupun ketika di luar persidangan," katanya.

Pergerakan Pemuda Umno Johor pula meminta rakyat Malaysia berwaspada dan bersiap sedia menghadapi cabaran dan campur tangan pihak asing khususnya AS dalam urusan negara ini.

Dalam kenyataan hari ini, Ketua Penerangannya Mohd Abdul Latif Endot berkata, sikap angkuh, kurang ajar dan jahil Gore menjadi isyarat yang jelas dan nyata bahawa mereka tidak akan segan silu dan teragak-agak untuk mencampuri urusan dalam negara kita.

"Dengan kekuasaan dan kekayaan, kekuatan ketenteraan dan penguasaan media antarabangsa, mereka akan gunakan segala agensi dan kroni mereka untuk "menjajah" Malaysia. Sikap pemimpin mereka ini membuktikan bahawa kepimpinan dunia yang kita harapkan, "pembuli" dunia yang menjadi kenyataan," katanya.

Katanya, perpaduan dan pemuafakatan kita amat dituntut...kita menyeru agar rakyat Malaysia mengutamakan pertahanan dan ketahanan bangsa dalam menghadapi cabaran ini.

-- BERNAMA  
APG AHH FAZ